

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 akan dilaksanakan seperti yang berikut:

Bil.	Ujian	Tarikh	Bilangan Calon
1	Ujian Amali Sains (Fizik)	30 Januari 2023	93,490
2	Ujian Amali Sains (Biologi)	31 Januari 2023	74,642
3	Ujian Amali Sains (Kimia)	2 Februari 2023	94,672
4	Ujian Amali Sains (Sains Tambahan)	2 Februari 2023	1,675
5	Ujian Bertutur (Bahasa Melayu)	7 – 9 Februari 2023	397,854
6	Ujian Bertutur (Bahasa Inggeris)	13 – 15 Februari 2023	397,057
7	Ujian Mendengar (Bahasa Melayu)	16 Februari 2023	397,854
8	Ujian Mendengar (Bahasa Inggeris)		397,057
9	Peperiksaan Bertulis	20 Februari – 15 Mac 2023	403,637

Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan ini, seramai **131,318** petugas peperiksaan telah dilantik bagi keseluruhan peperiksaan ini dan sebanyak **3,355** pusat peperiksaan disediakan di seluruh negara.

KPM ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan di pautan <http://lp.moe.gov.my>

Calon turut diingatkan supaya membawa dokumen pengenalan diri dan Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan SPM tahun 2022.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
20 JANUARI 2023